



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, EXCHANGE SQUARE
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL 1/98

PEMULANGAN TUNTUTAN SEKIRANYA BAKI LEVI TIADA ATAU TIDAK MENCUKUPI

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan bahawa Majlis akan memulangkan semula tuntutan geran latihan dari majikan yang mempunyai tunggakan caruman levi dan baki levi tiada atau tidak mencukupi untuk membayar jumlah tuntutan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini semua tuntutan yang diterima **lengkap** oleh Majlis akan diproses untuk bayaran samada terdapat tunggakan levi atau baki levi semasa mencukupi atau tidak. Bagi majikan yang mempunyai tunggakan levi, pembayaran tuntutan yang telah diproses akan ditahan sehingga tunggakan diselesaikan. Di samping itu sekiranya baki levi semasa tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan amaun tuntutan yang diluluskan, pembayaran sebahagian (part-payment) akan dibuat dan bakinya akan dibayar secara beransur-ansur. Manakala bagi kes di mana baki levi tiada (kosong) tuntutan akan ditahan dan bayaran akan dibuat setelah baki levi ada.
- 2.2 Memandangkan bilangan tuntutan yang terpaksa ditahan kerana tunggakan caruman levi atau baki levi tiada dan kes berkurangan bayar kerana baki levi tidak mencukupi semakin meningkat, Majlis terpaksa memulangkan tuntutan sekiranya pembayaran tidak dapat dibuat dengan segera. Ini adalah bagi mengelakkan tuntutan majikan ditahan untuk tempoh yang panjang dan salah anggapan Majlis mengambil masa yang terlalu lama untuk menguruskan sesuatu bayaran balik kepada majikan. Buat masa ini, terdapat juga sebilangan majikan yang mengambil masa yang terlalu lama untuk menjelaskan tunggakan mereka walaupun peringatan sewajarnya telah dihantar. Dengan sendirinya ini telah memburukkan lagi keadaan yang kurang memuaskan.

3. PERATURAN BAYARAN BAGI KES TUNGGAKAN CARUMAN LEVI

- 3.1 Bagi majikan yang mempunyai tunggakan levi, tuntutan lengkap akan diproses seperti biasa jika baki levi majikan mencukupi tetapi pembayaran geran akan ditangguhkan. Majikan akan diberi makluman bertulis mengenai penangguhan tuntutan dan bulan caruman levi tertunggak. Tempoh 1 bulan akan diberikan untuk majikan menyelesaikan tunggakan tersebut di mana jika gagal menyelesaikannya dalam tempoh tersebut, tuntutan akan dipulangkan. Sekiranya majikan telah menyelesaikan tunggakan, majikan diminta menghantarkan salinan borang 3A atau 3B sebagai bukti pembayaran.

4. PERATURAN BAYARAN BAGI KES BAKI LEVI YANG MENCUKUPI UNTUK MEMBAYAR SEBAHAGIAN TUNTUTAN SAHAJA

- 4.1 Pembayaran sebahagian bagi sesuatu tuntutan akan hanya dibuat jika baki levi semasa mencukupi sekurang-kurangnya untuk membayar 50 peratus dari amaun tuntutan yang diluluskan.

- 4.2 Sekiranya baki levi tidak mencapai 50 peratus dari amaun yang diluluskan, pembayaran sebahagian tidak akan dibuat tetapi tuntutan akan diproses dan ditahan sekiranya anggaran caruman levi dua bulan akan datang didapati mencukupi untuk membayar keseluruhan amaun tuntutan yang diluluskan.
- 4.3 Sekiranya baki levi tidak mencapai 50 peratus dari amaun yang diluluskan dan anggaran caruman dua bulan ke hadapan juga tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan amaun yang diluluskan, tuntutan tersebut akan dipulangkan kepada majikan.
- 4.4 Pembayaran tuntutan adalah berdasarkan keutamaan tarikh penerimaan (first-come-first-serve) sementara bagi majikan yang mengemukakan lebih dari satu tuntutan sekaligus, keutamaan bayaran adalah mengikut pertimbangan Urusetia Majlis.
- 4.5 Majikan masih boleh mengemukakan semula tuntutan yang dipulangkan setelah baki levi mencukupi sekiranya tempoh yang dibenarkan membuat tuntutan masih belum tamat.
- 4.6 Tuntutan yang diterima kemudian semasa tuntutan (atau kelompok tuntutan) yang sedia ada masih belum dibayar sepenuhnya atau masih ditahan, akan dipulangkan sekiranya dianggarkan pembayaran keseluruhan tuntutan (atau kelompok tuntutan) yang sedia ada tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua bulan.

5. PERATURAN BAYARAN BAGI KES DI MANA BAKI LEVI TIADA (KOSONG)

- 5.1 Tuntutan yang diterima lengkap akan diproses dan ditahan sekiranya anggaran caruman levi dua bulan akan datang didapati mencukupi untuk membayar keseluruhan amaun tuntutan yang diluluskan.
- 5.2 Peraturan di para 4.3, 4.4, 4.5 dan 4.6 juga terpakai untuk kes baki levi tiada.

6. PENUTUP

- 6.1 Pekeliling Majikan Bil. 1/98 ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 1998.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

